

Headline	Tiga asas kukuh bantu pencalonan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	527 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,511
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,533



# Tiga asas kukuh bantu pencalonan

**K**EPERLUAN pencalonan sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) menuntut tiga asas penting yang digariskan oleh WHS-Unesco di bawah fakta nilai keunggulan sejagat (OUV). Keperluan pertama adalah mematuhi sekurang-kurangnya satu daripada enam kriteria kebudayaan atau empat kriteria semula jadi. Di bawah kriteria No.5 (kebudayaan), hutan buatan manusia terbesar dan tertua FRIM ini, jelas memaparkan satu-satunya bukti terbaik di peringkat dunia. Ia melihat kepada aspek interaksi dan hubungan antara manusia dan alam dalam konteks pembentukan sebuah hutan tropika, yang kini sangat berhadapan dengan impak

perubahan.

Fakta kedua adalah memenuhi keperluan mengekalkan keaslian serta integriti tapak dan ketiga, memenuhi keperluan perlindungan dan pengurusan tapak.

Perlindungan bagi aspek cabaran semasa tapak turut diambil kira seperti tekanan aktiviti pembangunan sekitar, impak aktiviti rekreasi dan ekopelancongan serta kesan ancaman panahan petir ke atas pokok-pokok.

Antara cabaran utama yang digalas oleh Sekretariat Pengurusan Tapak Warisan FRIM adalah memperkasa usaha pemuliharaan kampus bersejarah tersebut sebagai calon tapak warisan dunia. Usaha murni diperkukuhkan lagi sehingga tahun 2020 di bawah projek

dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Antara usaha yang dirancang adalah membangunkan satu sistem pangkalan data bersepadu dikenali sebagai *myWarisan*, melaksana pelbagai aspek kajian biotik dan abiotik, mewujudkan jaringan kerjasama rakan strategik dan pemegang taruh (*stakeholders*).

Usaha lain adalah mewujudkan program inventori pokok warisan dan pemetaan hutan digital, kawalan dan pemantauan persempadanan, mentakrif nilai keseluruhan ekonomi tapak, penganjuran pelbagai forum saintifik dan pembangunan modal insan, mewujudkan model komuniti hijau, penerbitan, hebahan, publisiti dan mengemukakan dokumen WHS-UNESCO serta menjalankan misi



**PERBINCANGAN** hasil dapatan maklumat yang berjaya dikumpul membabitkan petugas yang terlibat.

Headline	Tiga asas kukuh bantu pencalonan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	527 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,511
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,533

penilaian tapak dan mendapatkan sokongan peringkat antarabangsa.

Faktor kekuatan hutan FRIM sebagai model hutan legasi dan lokasi rujukan di peringkat dunia dalam konteks pembentukan hutan tropika buatan manusia, diukur secara saintifik dalam pelbagai bidang antaranya termasuklah ekologi hutan.

Ini termasuklah fasa kitaran pembungaan dan penguatan, pembiakan tanaman, aspek genetik hutan, sejarah penanaman dan amalan pengurusan hutan, aspek tanah, kandungan stok karbon, iklim mikro dan ekonomi hutan.

Hutan FRIM juga merupakan lokasi terbaik dunia bagi usaha kelestarian sains terutama dalam menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan pengetahuan berkaitan hutan tropika secara global.

Ini termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), penerbitan dan rujukan visual, plot ekologi jangka panjang, fasiliti penyelidikan dan pusat rujukan pelbagai koleksi yang diawet serta arboretum yang menyimpan berbagai sumber genetik hutan tropika.



**KAKITANGAN FRIM mengumpul bahan fakta dan butiran spesies.**



FRIM kini giat mempelbagaikan produk ekopelancongan berasaskan aset perhutanan warisan menerusi pembangunan pelbagai komponen infrastruktur hijau yang turut melengkapi usaha penjenamaan kampus FRIM tersebut sebagai tapak warisan dunia Unesco. Pembangunan denai menerusi pelantar pejalan kaki merentasi kawasan hutan warisan, naik taraf seni bina warisan tradisional, infrastruktur buluh yang mempamerkan kegunaan hasil hutan tropika

serta turut dihiasi dengan pelbagai taman landskap hutan.

Usaha ini dijangka turut mengukuhkan penjana pendapatan FRIM dan negara menerusi aspek bioekonomi. Pelbagai produk ekopelancongan baru berteraskan tapak warisan di bawah Program *Heart of Heritage* FRIM dibangunkan seiring dengan konsep pembentukan kampus hijau warisan yang mampu menggamit kedatangan pelancong dalam dan luar negara tatkala diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco kelak.